

## PH perlu segera buat keputusan

ISU siapa yang bakal menjadi Perdana Menteri kesembilan sekiranya Pakatan Harapan (PH) kembali menjadi kerajaan Pusat perlu diurus dengan segera dan secara dalaman.

Ini kerana, semakin lama PH tidak menyelesaikan isu tersebut, selama itulah rakyat melihat sesuatu berlaku antara kem Datuk Seri Anwar Ibrahim dan kem Tun Dr Mahathir Mohamad.

Minggu lalu, Pengarah Komunikasi Parti Keadilan Rakyat (PKR), Ahmad Fahmi Mohamed Fadzil berkata, keputusan siapa bakal Perdana Menteri PH akan diumumkan Selasa lalu namun ia tidak berlaku. Ketiadaan pengumuman itu membuatkan pemerhati politik semakin tertanya-tanya.

Selasa minggu lalu juga, satu mesyuarat bersama pimpinan PH berlangsung di ibu pejabat PKR dipengerusikan Anwar dengan panel utama terdiri daripada Dr Mahathir dan Setiausaha Agung DAP, Lim Guan Eng.

Turut berada dalam mesyuarat itu ialah Presiden Parti Amanah Negara (Amanah), Mohamad Sabu dan Presiden Parti Warisan Sabah (Warisan), Datuk Seri Mohd Shafie Apdal selain kepimpinan tertinggi setiap parti.

Bagaimanakah PH mahu merampas Putrajaya kembali daripada Perikatan Nasional (PN) sekiranya mereka sendiri tiada calon Perdana Menteri?

Semalam, Setiausaha Organisasi DAP, Anthony Loke telah mengeluarkan satu kenyataan bahawa parti itu membuat keputusan menyokong Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri kesembilan. Kata Anthony lagi, Anwar boleh menjadi Timbalan Perdana Menteri.

Jadi di manakah pendirian Anwar sebagai Presiden PKR? Mungkinkah drama ini akan menjadi lebih menarik jika kedua-dua Anwar dan Dr Mahathir bersetuju menamakan orang ketiga menjadi Perdana Menteri kesembilan bagi meredakan keadaan dan mewujudkan *win-win situation*.

Satu lagi persoalan menarik, selain Anwar dan Dr Mahathir, siapakah pemimpin lain yang layak menjadi Perdana Menteri dalam PH?

Dalam situasi wabak coronavirus yang masih menjadi ancaman sekarang, lebih baik sekiranya semua pihak bersama-sama membantu barisan hadapan daripada menimbulkan polemik yang tidak menguntungkan rakyat.

# Pasar malam sudah berbeza



ANALISIS MUKA 16

NOR AZURA MD AMIN

**B**ercakap tentang pasar malam, pasti terbayang aneka jenis makanan dan minuman yang membangkitkan selera pengunjung.

Bukan sahaja makanan, bahan mentah seperti sayur, buah-buahan, ikan, ayam, daging malah pakaian, aksesori wanita dan lelaki serta mainan kanak-kanak begitu mudah dicari di pasar malam.

Dulu ke sana ke sini dalam pasar malam begitu mudah ditambah jeritan peniaga yang menggamatkan suasana.

Tetapi itu semua dulu. Kini serba serbi di pasar malam sudah berubah. Memang berbeza kerana semuanya mesti ikut peraturan bagi mengekang penularan coronavirus (Covid-19).

Gerai-gerai disusun agak jauh selain terdapat laluan khas untuk pengunjung membeli barang. Agak kekok pada mulanya, kerana perlu beratur seperti di kantin sekolah. Maklumlah sudah terbiasa dengan pasar malam yang sesak dan penuh dengan orang ramai.

Hendak masuk pasar malam pun kena ikut peraturan, diambil suhu badan dan direkod butir peribadi seperti nama dan nombor telefon.

Tapi kini di beberapa tempat sudah disediakan aplikasi yang boleh diimbas oleh pengunjung untuk memudahkan mereka merekodkan data peribadi.

Rata-rata peniaga gembira dapat berniaga semula selepas operasi pasar malam dan pasar pagi tidak dibenarkan sejak tiga bulan lalu ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dikuatkuasakan.

Sebelum Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dikuatkuasakan pada 18 Mac, Johor mempunyai 4,409 peniaga pasar pagi dan 23,184 peniaga pasar malam di 53 lokasi pasar pagi dan 194 pasar malam di semua kawasan 16 pihak berkuasa tempatan (PBT) di negeri ini.

Kerajaan negeri menerusi Exco Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Ayub Jamil mengeluarkan kenyataan kebenaran membuka semula pasar pagi dan pasar malam mengikut kawalan dengan garis panduan dan prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan bermula 15 Jun lalu.

### Pemantauan

Bagaimanapun, kebenaran menjalankan perniagaan itu juga akan dilaksanakan secara berperingkat di semua PBT bagi melihat terlebih dahulu pematuan peniaga dan pembeli terhadap SOP ditetapkan.

Tempoh operasi yang dibenarkan bagi pasar pagi adalah dari jam 6 pagi hingga 11 pagi manakala pasar malam dari jam 4 petang hingga 10 malam.

Beberapa PBT di negeri Johor pada 15 Jun lalu dilihat mula mengambil langkah membuka pasar malam atau pasar pagi di kawasan mereka dengan peraturan dan pemantauan ketat dilakukan ke atas operasi perniagaan mereka.

Apa-apa pun pembukaan semula pasar pagi dan pasar malam dilihat langkah terbaik bagi mem-

bantu peniaga terutama usahawan-usahawan kecil selain menjana semula ekonomi setempat.

Pekebum sayur di kampung-kampung mudah hendak jual hasil mereka kerana pasar pagi dan pasar malam sudah dibuka. Mungkin sudah tidak pening kepala lagi hendak mencari pasaran.

Secara tidak langsung ia turut membantu ekonomi pekebun, petani, penternak dan nelayan untuk memasarkan produk mereka. Begitu besar peranan pasar pagi dan pasar malam kepada ekonomi setempat.

Bagaimanapun bagi orang ramai yang ingin berkunjung ke pasar malam dan pasar pagi, mereka perlu akur dengan peraturan yang ditetapkan pihak berkuasa dalam menepati normal baharu pandemik Covid-19.

Pengunjung perlu sentiasa menjaga jarak sosial kerana Covid-19 masih tiada penawar dan akan kekal berada dalam komuniti kita sehingga kini. Paling penting perlu pakai penutup muka.

Bagi peniaga pula, soal kebersihan juga tidak boleh diabaikan. Peniaga perlu memastikan gerai mereka bersih dan PBT serta jabatan berkaitan juga perlu melakukan pemeriksaan bagi memastikan pematuan aspek kebersihan dalam kalangan peniaga betul-betul dipatuhi.

Kita semua perlu memainkan peranan penting dalam memastikan kemenangan menentang Covid-19 berpihak kepada kita. Kita mesti menang.

\* Nor Azura Md Amin ialah Wartawan Sinar Harian Edisi Johor



### Nota Di Sebalik Tabir

Bersama MERAK JALANAN

**HARI** Raya Aidilfitri pada tahun ini walaupun disambut dalam keadaan normal baharu namun ia tetap meninggalkan kesan yang istimewa kepada kita.

Mana tidaknya, hari raya tahun ini boleh dikatakan disambut sebanyak dua kali selepas Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin membenarkan rakyat untuk merentas negeri selepas Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) berakhir pada 9 Jun lalu.

Merak Jalanan sempat melihat mesej kiriman beberapa sahabat handai dalam

lamana sosial, di mana mereka akhirnya berpeluang balik ke kampung dan menyambut hari raya bersama keluarga.

Merak Jalanan gembira melihat rakan-rakan boleh balik ke kampung. Ada juga yang mengambil keputusan balik pada hujung bulan ini atau bulan depan kerana tidak mahu terperangkap dalam kesesakan di lebuhraya.

Kepada rakan-rakan dari Sabah dan Sarawak yang menyambut hari raya dan Gawai pula, mereka mengambil keputusan tidak pulang ke kampung atas be-

rapa sebab. Sebab pertama adalah tidak mahu mengambil risiko dijangkiti Covid-19 kerana penerbangan yang memakan masa lama dan sebab kedua adalah kerana tiket kapal terbang terlalu mahal.

Merak Jalanan memeriksa harga tiket dari Kuala Lumpur ke Kuching untuk dua orang dewasa dan dua kanak-kanak yang pasti membatalkan niat ramai anak-anak perantau dari Sabah dan Sarawak untuk pulang ke kampung.

Ada seorang sahabat Merak Jalanan

berkata, dia berdoa agar keluarganya di Sarawak tidak jatuh sakit atau terjadi perkara musibah kerana kemungkinan besar dia tidak boleh kembali ke kampung dalam masa terdekat kerana harga tiket yang terlalu mahal.

Tahun 2020 akan kekal dalam memori kita semua sebagai tahun yang sangat mencabar ditambah pula kegawatan ekonomi dan wabak yang mengancam nyawa.

Alhamdulillah negara kita kekal aman dan semoga kita boleh menyambut hari raya seperti biasa pada tahun depan.

## Sambut hari raya dua kali tahun ini